

## DM 1.2: Cadangan Pembangunan Terhad Kawasan KSAS Tahap 2

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Majoriti kawasan KSAS Tahap 2 ini terdiri daripada cadangan kawasan **Zon Penampakan Kawasan KSAS Tahap 1**.
- Kawalan yang khusus adalah perlu, bertujuan untuk menyokong fungsi utama kawasan KSAS Tahap 1.
- Aktiviti pembangunan di kawasan desa yang terlibat perlu mengambil kira tahap sensitiviti kawasan ini.

#### Komponen Cadangan:

##### Garis Panduan Umum

- Hanya pembangunan dan aktiviti berimpak rendah dibenarkan.
- Disyorkan kawasan ini dihadkan kepada pembangunan perumahan dan pertanian sahaja.
- Permohonan pembangunan harus menunjukkan bahawa pembangunan adalah berimpak rendah melalui kajian lanjut seperti kajian EIA, SIA dan lain-lain.

##### Pengurusan Guna Tanah

- Sempadan petempatan/perkampungan perlu dimeterai bagi mengelak peluasan kawasan sedia ada di kawasan KSAS Tahap 2.
- Digalakkan amalan pertanian di kawasan ini dilaksanakan berdasarkan kaedah amalan pertanian mampan.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Menetapkan sempadan kampung di kawasan KSAS.
- Melaksanakan pemantauan berkala dan penguatkuasaan kawalan pembangunan di kawasan KSAS.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **6 kampung**.  
(Sila rujuk Jadual 7.2)

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Batu Pahat	-	-
Kluang	2	-
Mersing	-	4
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>4</b>

### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Perbandaran Kluang (MPK)</li> <li>• Majlis Daerah Mersing (MDM)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Perbandaran Kluang (MPK)</li> <li>• Majlis Daerah Mersing (MDM)</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kos Pengurusan, Pemantauan dan Penguatkuasaan aktiviti pencerobohan = RM5,000 (setahun/ kg.) x 8 tahun

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 240,000**

### FASA PELAKSANAAN

